



**BORANG PENGISYTIHARAN PARTI POLITIK
(Bagi Calon Jawatankuasa Surau)**

Saya, _____, No. Kad Pengenalan _____, menyedari dan bertanggungjawab bagi memastikan masjid dan surau sebagai pusat peribadatan umat Islam setempat, pusat keilmuan Islam, pusat dakwah dan tarbiah dan masjid sebagai pusat tanggungjawab keprihatinan sosial setempat dapat direalisasikan. Dengan itu, saya mengisytiharkan bahawa—

☐ Saya *tidak memegang* sebarang jawatan dalam mana-mana parti politik di pelbagai peringkat (Cawangan / Bahagian / Negeri / Nasional), *tidak bekerja* dengan mana-mana ahli politik, serta *tidak akan terlibat* dalam apa-apa aktiviti, percakapan atau perbuatan yang boleh menjejaskan prinsip berkecuali atau menunjukkan kecenderungan kepada mana-mana parti politik; dan

☐ Saya berjanji *tidak akan* melibatkan diri dalam sebarang kegiatan aktif politik yang boleh menjejaskan imej masjid sebagai pusat peribadatan umat Islam setempat, pusat keilmuan Islam, pusat dakwah dan tarbiah.

atau;

☐ Saya *memegang jawatan* dalam mana-mana parti politik di pelbagai peringkat (Cawangan / Bahagian / Negeri / Nasional) dan/atau bekerja dengan mana-mana ahli politik, serta akan terlibat dalam apa-apa aktiviti, percakapan atau perbuatan atau menunjukkan kecenderungan kepada mana-mana parti politik; dan

☐ Saya berjanji *tidak akan* menggunakan kedudukan dan/atau jawatan sebagai ahli jawatankuasa masjid atau surau bagi menyokong, mempromosi, berkempen atau menjalankan apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan kepentingan mana-mana parti politik di pelbagai peringkat (Cawangan / Bahagian / Negeri / Nasional)

Saya dengan sesungguhnya berikrar dan bersumpah bahawa maklumat yang saya berikan di atas adalah benar, betul dan lengkap. Saya faham sekiranya maklumat yang saya berikan di atas adalah palsu dan/atau tidak benar saya boleh dikenakan hukuman denda dan/atau penjara di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574) dan/atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan/atau mana-mana undang-undang bertulis terpakai.

Saya faham bahawa jika saya didapati melanggar apa-apa pengisytiharan ini, pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berhak mengambil apa-apa tindakan sewajarnya termasuk tetapi tidak terhad kepada pembatalan perlantikan atau tauliah saya di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, garis-garis panduan yang terpakai.

Dibuat dan diakui oleh:

Tandatangan : _____

Nama : _____

Tarikh : _____

*Sila tanda ☐ pada kotak yang berkenaan sahaja.